

4 faktor transformasi kepemimpinan

Serdang: Empat faktor penting perlu diberi perhatian dalam kepemimpinan institusi pendidikan tinggi (IPT) yang juga menjadi pasak dan tunjang kepada kecemerlangan institusi.

Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Prof Tan Sri Zakri Abdul Hamid, berkata pertama, kepemimpinan IPT perlu kekal bersandarkan kepada cirian kepemimpinan tradisi yang mengutamakan keserjanaan dan kewibawaan.

Beliau berkata, kedua, kepemimpinan IPT perlu berupaya mengurus bakat melalui pendekatan kerjasa-

ma dan komunikasi lebih berkesan.

“Faktor ketiga, ialah soal integriti dan tanggungjawab beretika yang perlu dititikberatkan kepemimpinan IPT kerana ia adalah kunci kecemerlangan institusi.

“Keempat, ialah kebijaksanaan kepemimpinan IPT dalam mengurus dan menghargai kepelbagaian,” katanya.

Pendekatan baharu

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Wacana Akademia: Transformasi Kepemimpinan IPT di Malaysia Dalam Cabaran

Universiti 4.0 dan pelancaran buku *Transformasi Kepemimpinan Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia* di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Prof Emeritus Tan Sri Anuwar Ali; Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof Dr Noor Azizi Ismail; Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Profesor Negara, Prof Datuk Dr Raduan Che Rose dan Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris.

Prof Zakri berkata, meskipun

menyedari keperluan transformasi kepemimpinan untuk menangani perubahan, termasuk mengaplikasikan pendekatan baharu kepemimpinan, perkara asas itu tidak boleh dipinggirkan.

“Ini turut membabitkan keupayaan seseorang pemimpin untuk memimpin, mengurus dan menjadi inspirasi kepada ahli akademik serta warga kerja lain.

“Pemimpin IPT wajar secara berterusan menuntut ahlinya mementingkan aspek keserjanaan, kejituan dan kecemerlangan dalam semua perkara,” katanya.



Utamakan aspek keserjanaan, kejituan dan kecemerlangan”

Prof Tan Sri Zakri Abdul Hamid,
Penasihat Sains kepada Perdana Menteri